

Headline	UUM hormati warga media Kedah		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	25 Apr 2012	Color	Black/white
Section	News	Circulation	238,082
Page No	26	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	71 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 434
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,302



UUM hormati warga media Kedah

KUBANG PASU 24 April - Hubungan akrab antara sesebuah organisasi dengan warga media perlu disuburkan dari semasa ke semasa kerana ia penting dalam usaha menghebahkan maklumat selain membantu meningkatkan imej dan membina reputasi yang disegani.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, sehubungan itu universiti berkenaan amat menghargai peranan media dalam menyalurkan maklumat mengenai aktiviti dan kegiatan UUM kepada masyarakat.

“Semua media adalah penting dan merupakan rakan UUM. Kami berterima kasih atas sumbangan yang diberikan oleh pihak media kepada universiti ini ketika membuat liputan, memberikan publisiti dan promosi dalam pelbagai aktiviti serta agenda yang kita lakukan.

“Saya harap hubungan baik ini dapat diteruskan. Tanpa media kita tidak mungkin boleh berkomunikasi kerana media yang membawanya untuk dipapar dan dihebahkan kepada umum,” katanya pada Majlis Makan Malam Hari Keluarga Kelab Media Elit Kedah (KMEK) di EDC-UUM, Sintok di sini baru-baru ini.